

UMS pecah rekod, harumkan nama Sabah

► Rekod larian treadmill berkumpulan terjauh di Malaysia dengan catatan 144 jam

UB 28.1.2014 A14

KOTA KINABALU: Rekod larian treadmill berkumpulan terjauh di Malaysia yang sebelum ini dipegang oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan dengan 120 jam larian dipecahkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin dengan catatan 144 jam.

Menurut penyelaras atlet dan rekod, Stephanie Chok, catatan rekod 144 jam yang dicapai itu hanyalah sasaran rekod minimum selama enam hari larian.

"Sasaran rekod sebenar kita adalah 264 jam dan para atlet kita akan cuba menambah jumlah catatan itu seberapa lama yang mungkin meskipun ada antara atlet kita mengalami kecederaan," katanya.

Katanya, cabaran yang datang tidak hanya dirasai oleh para atlet malah krew program itu juga turut berdepan pelbagai cabaran harian, namun kesemua mereka menunjukkan komitmen yang tinggi agar program itu berjalan lancar.


Menurut salah seorang atlet, Zukilinsius Lairi, kecederaan ligamen di bahagian lutut yang dialami tidak sesekali mematahkan semangatnya untuk meneruskan larian itu.

"Kecederaan ini bukan halangan bagi saya tetapi ianya adalah pembakar semangat untuk saya dan rakan-rakan meneruskan perjuangan dalam catatan rekod ini," katanya.

Manakala seorang pelari orang kurang upaya (OKU) Abner Moillie berkata, meskipun letih melalui pelbagai cabaran, namun dia tidak mahu menghampakan



TEPAT 144 jam rekod dicipta.



KENSON Rubanjar, salah seorang peserta yang turut membantu memecahkan rekod.

(Gambar kiri) DORA Suan, satu-satunya peserta wanita dalam program cabaran ini.

(Gambar kanan) IGINITIUSE Ganni gigih meneruskan larian.



ZUKILINSIUS sedang menerima rawatan ekoran kecederaan ligamen.

hasrat pelbagai pihak terutamanya kedua ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan.

UMS mengucapkan setinggi terima kasih kepada semua warga UMS dan orang awam yang terus memberikan sokongan kepada para atlet UMS untuk menempah nama di Malaysia Book of Records.

Larian yang melibatkan lapan orang atlet lelaki dan seorang wanita itu akan diteruskan sehingga 31 Januari ini (Jumaat).

PESERTA sedang menunggu giliran untuk meneruskan larian seterusnya.

